



### Seminar Pupuk Langkah Keselamatan Pelajar Antarabangsa



*Barisan tetamu terhormat yang hadir dalam seminar .*

**SERDANG, 9 Februari** – Universiti Putra Malaysia (UPM) prihatin terhadap keselamatan pelajar antarabangsa dengan menganjurkan seminar yang boleh meningkatkan tahap keyakinan terhadap keselamatan dalam kampus.

Pengarah Bahagian Keselamatan UPM, Mejar(B) Feisal Awang berkata pelajar antarabangsa perlu berwaspada dengan tahap keselamatan mereka ketika belajar di negara asing untuk mengelakkan pihak luar mengambil kesempatan.

"Pelajar diberikan tips untuk mengelakkan sebarang masalah ketika berada di dalam kolej seperti tidak digalakkan berada di luar kolej selepas pukul 12 tengah malam dan tidak membenarkan orang luar menumpang bilik kolej.



*Antara pelajar luar negara UPM yang hadir dalam seminar tersebut.*

"Pelajar boleh memaklumkan kepada Bahagian Keselamatan sekiranya kehilangan barang peribadi mereka dengan membuat laporan secepat mungkin bagi mengesan semula barangan yang telah hilang," katanya ketika memberi ucapan di Dewan Taklimat, Bangunan Pentadbiran UPM.

Mejar(B) Feisal berkata pelajar antarabangsa diberikan nombor telefon pusat dan pengarah keselamatan bagi membantu mereka untuk menghubungi pegawai yang bertanggungjawab sekiranya berada dalam kesusahan.



*Mejar(B) Feisal sedang memberikan ucapan*

Pelajar Doktor Falsafah (PhD) Teknologi Maklumat, Anas Mustafa menyatakan walaupun masih baru di Malaysia, beliau bersyukur kerana tidak pernah mengalami kejadian buruk setakat ini.

“Saya yakin tahap keselamatan terutamanya di kampus UPM jika dibandingkan dengan kampus di negara luar,” kata beliau.



*Anas Mustafa yakin dengan keselamatan di UPM.*

**Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Publisiti dan Penerbitan UPM.(Mohd Faisal Md Noor-0389466011).**